

Bicara Ilmu Sri Angkasa 2018 platform lahirkan mahasiswa cakna

UB 8.11.2018 B2

KOTA KINABALU: Kolej Kediaman Sri Angkasa mengadakan program Bicara Ilmu Sri Angkasa 2018 baru-baru ini dengan tajuk perbincangan ‘*Penggunaan Media Sosial Kalangan Mahasiswa*’.


Program ini yang melibatkan seramai 30 orang mahasiswa mahasiswa Kolej Kediaman Sri Angkasa mendapat sambutan dan maklumbalas positif daripada peserta yang menyertainya.

Menurut Pengarah Program Vicky Sharma A/L Sanjeev, sudah tiba masanya bagi siswa siswi mengangkat semula program-program berbentuk forum dan bual bicara yang bersifat ilmiah dan pengetahuan am/semasa bagi melahirkan pelajar yang cakna dan berpengetahuan tinggi.

Program ini dijayakan dengan penglibatan dua ahli panel iaitu Pensyarah Program Komunikasi di

FKSW, UMS Dr Syahruddin Awg Ahmad dan mahasiswa UMS Nur Nabila Ab Samat, yang bergiat aktif di dalam perniagaan dalam talian (*online*).

Program ini turut dihadiri oleh kakitangan pengurusan Kolej Kediaman Sri Angkasa termasuklah Pengetua Wijaya Kamal Ramlan, Timbalan Pengetua Armawaty Natasha Abdul Rahman, barisan felo dan Jakmas KKSA.



SESI bergambar pengetua kolej, barisan felo program Jakmas, moderator ahli panel dan mahasiswa mahasiswa Kolej Kediaman Sri Angkasa.